

Pasukan SAR tidak putus asa cari remaja lembam Ireland

Nora Anne dipercayai masih hidup

Oleh ZULKIFLI MANZOR

SEREMBAN – Kes kehilangan remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, di sebuah resort dusun di Pantai di sini sejak lima hari lalu masih diklasifikasi sebagai orang hilang.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman berkata, pihaknya menjalankan siasatan daripada pelbagai sudut termasuk penglibatan Jabatan Siasatan Jenayah negeri.

“Pasukan JSJ negeri turut berada di lokasi kejadian. Setakat ini seramai 20 individu termasuk ahli keluarga mangsa dan pekerja resort telah diambil keterangan mereka bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang akhbar di Balai Polis Pantai di sini semalam.

Che Zakaria berkata,



NORA ANNE

pihaknya memperoleh beberapa kesan cap jari di bilik penginapan remaja Ireland itu termasuk pada tingkap yang didakwa terbuka semasa mangsa disedari hilang oleh ahli keluarganya.

Bagaimanapun, polis tidak dapat mendedahkan secara terperinci kerana masih dalam siasatan JSJ Bukit Aman.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, seramai 214 anggota pasukan penyela-



mat terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) Nora Anne yang bermula pukul 7.45 pagi semalam.

Jelas beliau, pencarian sejauh 6 kilometer dari resort tersebut turut

melibatkan pasukan penyelam, dua ekor anjing pengesanan dan dua unit dron.

“Setakat ini tiada sebarang petunjuk diperoleh, namun anggota SAR tidak berputus asa dan akan



SEORANG anggota Pasukan Penyelamat Di Air, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia membuat pemantauan bagi mencari seorang remaja warga Ireland di Sungai Berembun, Seremban semalam.

tetap berusaha mengesan mangsa.

“Kami melakukan pencarian sehingga pukul 4 pagi (semalam) dan percaya mangsa masih di kawasan ini kerana mengikut logik dia tidak mampu pergi terlalu jauh disebabkan hutan tebal dan ka-

wasan berbukit,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seremban, Mohamad Idris berkata, pihaknya yakin gadis itu masih hidup kerana kawasan resort tersebut berhampiran sumber air seperti sungai dan jeram.